



جَابَاتِن مُفْتِي نَغَرِي سِلَانْغُور

WARTA KERAJAAN

Sel. P.U. 13.

13 Syawal 1445/
22 April 2024

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Fatwa di bawah Seksyen 52

Menurut subseksyen 52(1) dan subseksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 1 tahun 2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

FATWA HUKUM PENGISBATAN ANAK BULAN

1. Hukum melihat anak bulan melalui mata kasar dengan bantuan peralatan optik adalah harus.
2. Penampakan anak bulan menggunakan teknik pengimejan adalah diharuskan dengan parameter yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama Negeri.
3. Penampakan anak bulan hendaklah memenuhi kriteria *Imkanur Rukyah*.



جَابَاتِن مُفْتِي نَغَرِي سِلَانْغُورْ

WARTA KERAJAAN

FATWA HUKUM PENGISBATAN ANAK BULAN

4. Bilangan saksi bagi pengisbatan anak bulan menurut hukum syarak adalah seperti berikut:
 - a. Seorang saksi yang adil bagi pengisbatan anak bulan Ramadan;
 - b. Dua orang saksi yang adil bagi pengisbatan selain bulan Ramadan; dan
 - c. Dua orang saksi yang adil bagi pengisbatan anak bulan Ramadan dan selain bulan Ramadan yang dibuat melalui teknik pengimejan.
5. Kesaksian wanita diterima dalam pengisbatan anak bulan Ramadan dan selain bulan Ramadan.

Bertarikh 5 April 2024
[MAIS/BUU/600-6/1/21; P.U. Sel (ADV) PS. 05/4/12]

Dengan Titah Perintah

DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor